

Pembangunan modal insan perlu dirancang teliti

UB 09-11-2012 BI

Oleh YUSOP TEPPO

armie_bp@yahoo.co.uk

MEMPERKASA pelbagai ilmu pengetahuan, penerapan kemahiran pelbagai dalam kalangan pelajar harus menjadi agenda utama bagi sesebuah sekolah.

Dekan Sekolah Pertanian Lestari Universiti Malaysia Sabah (UMS), Dr. Sitti Raehannah Muhammad Shaleh, berkata walau bagaimanapun penguasaan ilmu dan berkepercayaan sahaja tidak mencukupi seandainya faktor nilai-nilai agama dan moral tidak dijadikan pedoman.

Beliau menambah pembangunan modal insan ini perlu dirancang teliti dengan mengambil kaedah menyeluruh dan bersepadu di mana segala bakat serta potensi pelajar perlu



PARA pelajar merakamkan gambar kenangan bersama guru-guru mereka.



SITTI Raehannah (tengah) bersama Yusoff dan Penolong Kanan HEM.



SITI HAYANI

“Dalam usaha memenuhi aspirasi kita yang tinggi dalam persekitaran global yang semakin kompetitif, kita memerlukan perubahan. Hal

ini selaras keperluan pelan induk pembangunan pendidikan 2013-2025 (PIPP) yang berteraskan 5 ciri aspirasi utama iaitu akses, kualiti, ekuiti, perpaduan dan kecekapan”, katanya.

Sementara itu, Sitti Raehannah menegaskan yang mana pendidikan merupakan wadah pembangunan modal sosial dan ekonomi negara.

“Para pelajar merupakan produk pendidikan yang bakal bersaing dalam pasaran pelbagai bidang pekerjaan dan merupakan pemacu utama pertumbuhan

ekonomi negara,” katanya.

Sementara itu, Penyelaras Majlis Konvokesyen Mini Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Merpati 2012, Siti Hayani memberitahu konvokesyen Mini 2012 bertujuan untuk menyampaikan sijil penghargaan kepada pelajar-pelajar tingkatan lima yang akan menamatkan persekolahan di SMK Merpati.

“Konvokesyen ini juga bagi menghargai usaha pelajar yang bertungkus-lumus menyiapkan diri dan minda dalam mendalami dan mempraktikkan ilmu yang diajar dalam ujian dan penilaian dan kehidupan seharian”, katanya.

Turut hadir Yang Di-Pertua Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) SMK Merpati, Yusoff Maghribi, dan Penolong Kanan Pentadbiran SMK Merpati Sandakan, Roslan Bin Martinis.



SEBAHAGIAN pelajar menunjukkan sijil penghargaan mereka.

dibangunkan dengan efektif.

“Dengan ini SMK Merpati bakal dapat melahirkan generasi pewaris kepimpinan negara yang memiliki idea, mencakupi pelbagai rutin kehidupan, berkepercayaan dalam pelbagai bidang, kritis dan kreatif,” katanya merasmikan majlis Konvokesyen Mini Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Merpati 2012 di Dewan Sri Gemilang SMK Merpati Sandakan, pagi Khamis.

Sitti Raehannah menjelaskan dimana hal ini berkadar

langsung dengan pelan induk pembangunan pendidikan 2013-2025 (PIPP).

“Gelombang pendidikan yang suatu waktu dahulu berskala kecil, kini sudah berubah menjadi satu bentuk pelaburan yang lumayan kepada industri dan institusi yang berani menanggung cabaran,” katanya.

Beliau memberitahu selaras dengan keperluan ini yang mana Dasar Transformasi Pendidikan (DTP) menjadi paten baru yang mencorakkan hala tuju dunia pendidikan kini.